

Bil (22)dlm.PWN.Sel.(P)869/4/1



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL 6 TAHUN 2009**

Kepada
Datuk Bandar/Yang diPertua
Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri Selangor

**PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA TENDER DAN
SEBUTHARGA BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor mengenai pelantikan Ahli Jawatankuasa Tender dan Sebutharga bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 14/2009 yang bersidang pada 10 Jun 2009 telah bersetuju agar pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Tender dan Sebutharga di Peringkat PBT mengikut kaedah biasa yang diamalkan sebelum ini.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bersetuju supaya keahlian Jawatankuasa Tender dan Sebutharga hendaklah melibatkan wakil Ahli-ahli Majlis.

3. PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA TENDER DAN SEBUTHARGA

- 3.1 Keahlian jawatankuasa tender dan sebutharga adalah seperti berikut: .

3.1.1. Jawatankuasa Tender

Ahli-ahli	Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Pengerusi Ahli-ahli:-	Datuk Bandar@Yang diPertua i. Timbalan Datuk Bandar/ Timbalan Yang diPertua ii. Pengarah Kewangan iii. Penasihat Undang-undang iv. Pegawai Teknikal v. 4 Ahli Majlis (masing-masing dari PKR, PAS, DAP & NGO)	Yang diPertua i. Pengarah Kewangan ii. Penasihat Undang-undang iii. Setiausaha iv. Pegawai Teknikal v. 4 Ahli Majlis (masing-masing dari PKR, PAS, DAP & NGO)
Urusetia	Perlantikan dibuat oleh Datuk Bandar @Yang diPertua	Perlantikan dibuat oleh Yang diPertua

3.1.2 Jawatankuasa Sebutharga

Ahli-ahli	Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Pengerusi Ahli-ahli:-	Datuk Bandar/Yang diPertua i. Timbalan Datuk Bandar/ Timbalan Yang diPertua ii. Pengarah Kewangan/Penasihat Undang-undang iii. Pegawai Teknikal iv. 4 Ahli Majlis (masing-masing dari PKR, PAS, DAP dan NGO)	Yang diPertua i. Setiausaha ii. Pengarah Kewangan iii. Pegawai Teknikal iv. 4 Ahli Majlis (masing-masing dari PKR, PAS, DAP dan NGO)
Urusetia	Perlantikan dibuat oleh Datuk Bandar @Yang diPertua	Perlantikan dibuat oleh Yang diPertua

4. PENGECUALIAN

Pengecualian daripada peraturan-peraturan perolehan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 168.

5. PENGUATKUASAAN

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan tertakluk kepada prosedur kewangan serta lain-lain peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

6. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 1 Tahun 2008 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 7 Julai 2009